



**E- JOURNAL OF ISLAMIC  
THOUGHT & UNDERSTANDING**

**BIL. 1**

**JANUARI 2018**



**Published by :**

أكاديمية الدراسات الإسلامية المعاصرة  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
*Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)*



الجامعة الإسلامية  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA

**PERUBAHAN PERSONALITI BERDASARKAN FAKTOR AGAMA  
MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Ahmad Fakhruddin Bin Mohd Tahir<sup>1</sup>, Zulkefli Bin Aini<sup>2</sup> & Rosmawati  
Mohamad Rasit<sup>3</sup>

**ABSTRAK****E-JITU**

Acceptance date:  
5<sup>th</sup> June 2018

Valuation date:  
25<sup>th</sup> July 2018

Publication date:  
15<sup>th</sup> Nov 2018

*Setiap perubahan personaliti yang berlaku ke atas manusia berpunca daripada pelbagai faktor. Di antara faktor penting yang membawa kepada perubahan personaliti manusia adalah agama. Perubahan personaliti menurut perspektif Islam ialah membentuk akhlak yang baik dan sahsiah yang unggul selari dengan batasan syariat Islam. Namun begitu, permasalahan timbul apabila sesuatu perubahan positif yang berlaku tidak berkekalan. Terdapat segelintir manusia apabila berubah kepada kebaikan, mereka tidak dapat mengekalkan perubahan tersebut malah kembali berubah kepada keadaan asal. Selain itu, terdapat juga segelintir manusia yang kembali berubah kepada asal bahkan lebih teruk apabila sanggup menggadaikan maruah dan melanggar batasan syariat Islam. Keadaan tersebut akan mengakibatkan berlakunya permasalahan akidah, akhlak dan sosial. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor agama sebagai faktor perubahan personaliti menurut perspektif Islam. Kajian ini menggunakan reka bentuk dokumen analisis kandungan dengan mengumpul data-data yang berkaitan kefahaman yang mendalam dari aspek teoritikal. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor agama Islam mendorong manusia untuk menjadi makhluk dan umat manusia yang terbaik melalui keimanan, amalan saleh, perbuatan mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Agama Islam membina manusia yang berdisiplin melalui ibadah dan ketaatan kepada Allah S.W.T serta memupuk manusia untuk menjadi yang terbaik melalui akhlak dan sifat yang terpuji. Selain itu, agama Islam merupakan faktor penting dalam memberi motivasi kepada manusia supaya mengekalkan perubahan personaliti yang*

<sup>1</sup> Beliau merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*konsisten walau dalam apa jua keadaan dengan niat ikhlas kerana Allah S.W.T.*

**Kata Kunci:** Perubahan, Personaliti, Faktor Agama

## **PENDAHULUAN**

Personaliti digambarkan melalui setiap tingkah laku atau perlakuan jasad yang bersifat luaran yang terhasil daripada perlakuan jiwa yang bersifat dalaman. Personaliti membezakan antara manusia dengan manusia yang lain malah ia juga boleh dibentuk, diubah dan dikekalkan mengikut situasi dan keadaan-keadaan yang berbeza (Ewen 1980). Pembentukan sesuatu personaliti bermula daripada manusia itu sendiri. Manusia dibahagikan kepada dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Di dalam kajian Fariza et al. (2008), para sarjana Islam berpandangan bahawa sesuatu perubahan berlaku disebabkan oleh faktor luaran dan dalaman manusia itu sendiri. Sarjana Islam bukan hanya mengkaji hubungan manusia sesama manusia (faktor luaran), tetapi juga hubungan manusia dengan Tuhannya (faktor dalaman). Faktor luaran dan dalaman juga akan mempengaruhi pembentukan personaliti seseorang. Ia juga akan mempengaruhi keperibadian, tingkahlaku, perangai dan perwatakan seseorang sehingga dapat menampilkan ciri-ciri keperibadian tersendiri yang membezakannya daripada orang lain. Menurut Uthman (1985), faktor rohani (dalaman) dan jasmani (luaran) mempengaruhi sesuatu tindakan yang menentukan keperibadian yang berbeza dengan orang lain. Gabungan antara faktor dalaman dan luaran membentuk personaliti Muslim yang berpandukan al-Quran serta mampu menghadapi segala dugaan. Faktor dalaman merujuk kepada keimanan, ketaqwaan, perasaan cinta kepada Allah S.W.T, sabar dan segala sifat yang baik. Manakala faktor luaran pula merujuk kepada kejayaan yang diperolehi, semangat, pujian dan sebagainya. Hal yang sama turut dijelaskan oleh al-Ghazali (1988) yang menjelaskan bahawa diri manusia terdiri daripada dua unsur penting iaitu unsur jasmaniah (luaran) dan unsur rohaniah (dalaman). Sesuatu tingkah laku manusia adalah berpunca daripada manusia itu sendiri. Setiap tingkah laku merupakan perlakuan jasad yang bersifat luaran yang terhasil daripada perlakuan jiwa yang bersifat dalaman seperti emosi, sikap, motivasi dan sebagainya. Namun begitu al-Ghazali (1988) lebih menekankan faktor dalaman berbanding faktor luaran dengan mengambilkira aspek kekuatan spiritual, kerohanian dan penguasaan hati yang baik.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Perubahan personaliti berlaku kepada manusia. Ada perubahan ke arah positif dan negatif malah ada perubahan berlaku secara berkekalan ataupun secara sementara. Ewen (1980) menjelaskan bahawa personaliti boleh berubah dalam jangka waktu yang lama dan individu berkemungkinan mempunyai tingkahlaku berbeza dalam situasi yang berbeza. Ia merupakan ciri-ciri yang dinamik dan tersusun dimiliki oleh seseorang yang secara unik mempengaruhi kognitif, motivasi dan

tingkahlakunya dalam pelbagai situasi. Namun begitu, wujudnya permasalahan apabila manusia berubah kepada personaliti positif tetapi perubahan tersebut tidak berkekalan malah patah kembali kepada personaliti asal yang lebih teruk. Ada yang berubah sehingga menyebabkan kecelaruan akidah, ibadah, akhlak dan sosial. Hal tersebut sememangnya bercanggah dengan syarak Islam. Justeru, untuk mencetuskan perubahan personaliti yang positif dan berkekalan, artikel ini akan mengenalpasti perubahan personaliti berdasarkan faktor agama menurut perspektif Islam.

### **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan dengan analisis kandungan adalah penting untuk membolehkan pengkaji mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mendalam mengenai permasalahan yang menjadi tumpuan kajian. Dalam kaedah ini, penulis akan mengumpul data-data yang berkaitan dengan bahan-bahan sekunder iaitu bahan-bahan bertulis atau bercetak daripada buku-buku ilmiah, kertas kerja, tesis, artikel dalam jurnal dan sebagainya dengan meneroka perubahan personaliti manusia berdasarkan agama menurut perspektif Islam (Mohd Majid 2009).

### **PERUBAHAN PERSONALITI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Perkataan perubahan menurut Kamus Dewan berasal dari kata ‘ubah’ yang bermaksud perihal berubah, peralihan atau pertukaran (Noresah Baharom 2007). Soejono Soekanto (1985) mendefinisikan perubahan ataupun ‘change’ dalam Bahasa Inggeris kepada satu peristiwa yang menyangkut perubahan posisi unsur-unsur suatu sistem sehingga struktur sistem tersebut berubah. Muhammad Mazhar (1978) berpandangan bahawa perubahan dari perspektif Islam adalah pertukaran atau pemindahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Menurut al-Attas (1977), perubahan ialah pengembalian kepada fitrah asal manusia yang mempunyai matlamat, kaedah, dan potensi untuk melakukan perubahan.

Manakala perkataan personaliti pula berasal dari perkataan Latin ‘persona’, yang merujuk kepada topeng yang digunakan oleh pelakon dalam pementasan drama. Ia bermaksud rupa luaran yang ada pada seseorang (Azlina 2003). Hal yang sama turut dijelaskan oleh Habibah & Noran (1997) bahawa ‘persona’ memberi pengertian ciri-ciri dan kualiti dalaman seseorang dan juga rupa luaran. Selain itu, Fariza et al. (2008) menjelaskan personaliti bermaksud keperibadian, tingkah laku, perangai atau perwatakan seseorang yang terhasil daripada faktor dalaman (rohani) dan luaran (jasmani) individu. Menurut al-Ghazali (2000), personaliti menerangkan tentang keadaan jiwa tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Jika jiwa dihiasi dengan perbuatan yang baik dan terpuji menurut akal dan pemikiran agama, ia akan membentuk personaliti yang baik. Sebaliknya jiwa dipenuhi dengan perbuatan buruk, maka ia akan membentuk personaliti yang buruk. Personaliti juga melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu. Dalam konteks kehidupan seharian, Mohd Salleh (1994)

menjelaskan personaliti sebagai sifat dan perwatakan seseorang. Personaliti seseorang biasanya dapat diketahui melalui gaya percakapan, cara bertindak atau cara bekerja.

Sehubungan itu, maksud perubahan personaliti menurut perspektif Islam ialah pengembalian kepada fitrah asal manusia berpandukan kepada akal dan pemikiran agama serta bermatlamat untuk merealisasikan hukum alam dengan menguasai alam semulajadi serta mendirikan peraturan Allah. Manusia akan dihiasi dengan perbuatan yang baik dan akhlak terpuji sekaligus melambangkan ciri-ciri keperibadian seseorang individu (al-Attas 1977; al-Ghazali 2000; Ilyas Ba Yunus 1989). Selain itu, perubahan tersebut membentuk kemampuan untuk berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan pelbagai persekitaran, keadaan dan situasi. Perubahan personaliti melahirkan tingkah laku yang mencerminkan jati diri yang membezakannya dengan individu lain, membina corak pemikiran, perasaan, tindakan, sahsiah dan peribadi.

Dasar perubahan personaliti menurut perspektif Islam berteraskan kepada nilai-nilai dan sumber yang dibawa oleh Islam itu sendiri. Ilhaamie dan Wan Suryati (2008) menyatakan bahawa nilai Islam adalah nilai-nilai yang berupaya untuk menggerakkan seseorang individu untuk melaksanakan tugas dengan mengambil kira bukan sahaja ganjaran material tetapi pahala. Manakala sumber Islam pula merujuk kepada dua sumber utama Islam iaitu al-Quran dan Hadith. Ahmad Amri (2009) menyatakan bahawa sumber personaliti Islam adalah berdasarkan kepada al-Quran dan Hadith dan bukanlah melalui hasil pemikiran rasional manusia semata-mata. Ia berbeza dengan sumber personaliti Barat yang banyak dipengaruhi oleh faktor peribadi seseorang ahli psikologi, aliran pemikiran pada sesuatu zaman dan ciri-ciri populasi dalam sesuatu kelompok manusia. Menurut Fariza et al. (2008), al-Quran dan Hadith bukan sahaja sumber kepada aspek ketinggian akhlak, bahkan ia juga merupakan sumber utama bagi keseluruhan aspek kehidupan umat Islam. Di antara tuntutan al-Quran dan Hadith kepada umat Islam ialah membentuk personaliti diri yang baik dan berakhlak mulia. Bahkan melalui kedua-dua sumber tersebut juga akan menentukan personaliti yang baik ataupun personaliti yang buruk.

Manakala matlamat perubahan personaliti Islam ialah mengembalikan masyarakat kepada fitrah dan idealisme Islam, mengubah nilai keadilan sebagai punca kestabilan dan nilai amanah sebagai tunggak kehidupan sosial. Perubahan Islam berkait dengan perubahan diri manusia dari segi nilai, tingkah laku, intelektual dan lain-lain yang berasas kepada kepercayaan tauhid, membersihkan hati dan kefahaman yang berdasarkan ilmu dan hikmah hingga menerima satu sistem nilai (tauhid) dalam kehidupan sosial (Mohamad Kamil 1998). Menurut Siti Norlina (1997), perubahan dalam Islam adalah berpaksikan kepada niat untuk mencapai keredaan Allah S.W.T. Di samping menekankan perubahan pada aspek fizikal, mental dan rohani supaya bersesuaian dengan matlamat kejadian manusia, sesuatu perubahan mestilah ke arah mendekati diri kepada Allah S.W.T, menjadi seorang hamba yang beriman, beramal soleh, menegakkan kebenaran,

mencegah kemungkarannya dan bukannya kerana mengejar kepentingan duniawi. Hal tersebut dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W:

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ<sup>4</sup>

Maksudnya:

Dari Amirul Mukminin Abu Hafsh, Umar bin al-Khattab R.A berkata: Aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: Segala amal itu tergantung niatnya, dan setiap orang hanya mendapatkan sesuai niatnya. Maka barang siapa yang hijrahnya kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan RasulNya. Barang siapa yang hijrahnya itu kerana kesenangan dunia atau karena seorang wanita yang akan dikawininya, maka hijrahnya itu kepada apa yang ditujunya.

Dalam mensyarahkan hadith di atas, al-Nawawi (2004) menjelaskan bahawa setiap amalan, perbuatan, penghijrahan atau perubahan mestilah bermatlamatkan kepada kerediaan Allah dan menyatakan perasaan tunduk dan patuh kepada perintahNya. Inilah yang dikatakan ikhlas atau kejujuran dalam melaksanakan ibadat. Pengertian penghijrahan yang dikehendaki pada hadith tersebut ialah meninggalkan negeri Makkah lalu berpindah ke Madinah untuk kepentingan agama Islam. Pengertian tersebut hanyalah khusus dengan keadaan waktu itu. Adapun penghijrahan menurut pengertian yang umum yang berlaku pada setiap zaman ialah hijrah untuk meninggalkan segala larangan Allah dan melaksanakan segala perintah Allah. Hijrah yang dituntut oleh Islam juga tidak melakukan sesuatu yang dilarang sama ada dalam aspek perkataan, perbuatan ataupun hati. Menurut Ibn Hajar (2011a), semua perbuatan, amalan dan penghijrahan perlu disandarkan kepada niat untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T. Niat akan menentukan balasan kepada sesuatu amalan yang dilakukan sama ada pahala, dosa mahupun sia-sia.

Model personaliti Islam ialah Rasulullah S.A.W. Keunggulan personaliti Rasulullah S.A.W berdasarkan panduan dan acuan akhlak yang terkandung di dalam al-Quran. Menurut al-Tirmizi (2008), Rasulullah S.A.W memiliki kemuliaan akhlak dan adab kesopanan seperti menahan kemarahan, penyabar,

<sup>4</sup> al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, kitab Bada' al-Wahyu, bab Kaifa ka na Bada' al-Wahyi ila Rasulillah Salla allahu 'alaihi wa Sallam. Hadith No:1. Muslim, *Sahih Muslim*, kitab al-Imarah, bab Qauluhu Salla Allahu 'Alaihi Wa Sallam Innama al-A'malu bi al-Niyyati wa Annahu. Hadith No: 1907.



pemaaf dan pengasih, tidak membalas kejahatan dengan kejahatan, tidak berprasangka buruk, tidak mengumpat dan sebagainya. Sa'id Hawwa (1999) menyatakan bahawa pada diri baginda S.A.W terdapat contoh akhlak yang terpuji seperti sentiasa mempamerkan senyuman, sabar, rendah diri, lemah lembut tutur kata, adil, belas kasihan dan mesra dengan fakir miskin, seorang pendengar yang baik, berpakaian dan cara makan yang sederhana. Baginda juga mempunyai keberanian, kuat semangat, ketahanan diri yang tinggi serta disanjung oleh kawan dan lawan. Keunggulan personaliti melalui akhlak Rasulullah S.A.W bukan hanya dikagumi oleh manusia, malah turut dikagumi oleh para malaikat bahkan mendapat pujian Allah S.W.T. Kemuliaan akhlak Rasulullah S.A.W juga telah menjadi tarikan dakwah kepada manusia untuk mengenali Islam. Abu Hassan Din (1987) menjelaskan bahawa pedoman agama dan keunggulan akhlak yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W telah berjaya mencetus perubahan dan kebangkitan masyarakat Arab serta manusia seluruhnya daripada kejahilan tamadun jahiliah kepada kegemilangan tamadun Islam.

Sesuatu perubahan yang berlaku dalam kehidupan manusia adalah berpunca daripada manusia itu sendiri. Melalui ayat 11 surah al-Ra'd, al-Quran secara jelas menyatakan bahawa manusialah sebenarnya yang akan menentukan berlakunya sesuatu proses perubahan. Manusia dianggap sebagai khalifah yang mentadbir bumi dan membentuk masyarakat. Mereka boleh menerpa kejayaan dan kemajuan serta mengelak dari terjunam ke lembah kehancuran dan kebinasaan (Mohamad Kamil 1998). Allah S.W.T telah memberi kemampuan kepada manusia untuk memilih jalan kehidupan sama ada menuju ke arah kebaikan ataupun keburukan. Manusia sendiri yang akan menentukan nasib kehidupan mereka sepertimana firman Allah S.W.T:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُعَيِّرُوهُمَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدٍّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ (١١)<sup>5</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.

Al-Qurtubi (2013b) menyatakan bahawa Allah S.W.T tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehinggalah mereka ataupun salah seorang

<sup>5</sup> Al-Quran, Al-Ra'd 13: 11.

daripada mereka mengubah diri mereka sendiri. Manusia yang taat kepada Allah S.W.T akan diberi nikmat kehidupan didunia. Sebaliknya bagi manusia yang melakukan dosa, maksiat dan ingkar, Allah S.W.T akan menimpakan kepada kaum mereka musibah secara keseluruhannya termasuklah orang-orang yang soleh. Menurut Abdul Malik (2012), manusia dapat bertindak dan mengendalikan dirinya sendiri serta dapat membezakan di antara yang baik dan buruk melalui anugerah akal yang Allah S.W.T berikan kepada manusia. Manusia seolah-olah berkuasa ke atas dirinya sendiri namun pada hakikatnya kesemua tindakan manusia berdasarkan kekuatan akal tersebut masih lagi terbatas dengan kawalan dan ketentuan Allah S.W.T. Manusia perlu berusaha dalam menentukan garis kehidupannya sendiri dan tidak hanya berserah tanpa berikhtiar. Manusia mesti berusaha sendiri untuk mengubah nasib kehidupan yang lebih baik, meningkatkan mutu diri dan amalan, mencapai kehidupan yang bahagia dan membebaskan diri daripada segala bentuk perhambaan kecuali perhambaan kepada Allah S.W.T.

Shihab (2002) menjelaskan bahawa ayat 11 daripada surah al-Ra'd merupakan ayat yang menjelaskan tentang perubahan manusia. Penggunaan perkataan (ما) merujuk kepada perubahan tentang apa pun seperti daripada nikmat berubah kepada niqmat (kemurkaan) Allah S.W.T, daripada niqmat (kemurkaan) berubah kepada nikmat, daripada positif berubah kepada negatif ataupun daripada negatif berubah menjadi positif. Aspek dalaman manusia (al-nafs) yang terdiri daripada nilai-nilai positif, kemahuan dan kemampuan untuk berubah merupakan faktor penting yang akan mengubah corak perlakuan, perwatakan, bentuk dan sifat manusia sama ada positif mahupun negatif. Daripada perubahan manusia tersebut secara tidak langsung akan menentukan keadaan sesebuah masyarakat.

Selain daripada ayat 11 dalam surah al-Ra'd, Shihab (2002) menyatakan terdapat satu lagi ayat yang berkaitan dengan perubahan manusia iaitu ayat 53 daripada surah al-Anfal. Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah S.W.T tidak akan mengubah nikmat yang telah diberikan kepada manusia kecuali apabila manusia itu sendiri telah mengubah diri mereka untuk mengkufuri nikmat dan ingkar kepada Allah S.W.T. Melalui kedua ayat ini, Allah S.W.T menganugerahkan penghormatan yang cukup besar kepada manusia. Ini kerana, sesuatu perubahan yang dilakukan oleh Allah S.W.T ke atas manusia tidak akan berlaku sebelum manusia itu sendiri memilih untuk melakukannya. Manusia perlu bertanggungjawab di atas setiap perkara yang berlaku di atas pilihannya sendiri. Firman Allah S.W.T:



ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُ مُعَيَّرًا نِعْمَةً أَنْعَمَهَا عَلَى قَوْمٍ حَتَّى يُعَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَأَنَّ  
اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ<sup>6</sup> (٥٣)

Maksudnya:

(Balasan) yang demikian itu, ialah kerana sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah dikurniakanNya kepada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Menurut Ibn Kathir (2004a), ayat di atas menjelaskan tentang keadilan dan kebijaksanaan Allah S.W.T dalam hukum yang telah ditetapkan. Allah S.W.T tidak akan mengubah sesuatu nikmat yang telah Dia berikan kepada seseorang manusia kecuali disebabkan dosa yang dilakukan oleh manusia itu sendiri. Ayat di atas bersangkutan dengan ayat 11 di dalam surah al-Ra'd yang menjelaskan bahawa Allah S.W.T tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum manusia sehinggalah mereka mengubah diri mereka sendiri. Al-Qurtubi (2013a) menyatakan bahawa pelbagai nikmat telah Allah S.W.T berikan kepada bangsa Quraish seperti kesuburan, keluasan, keamanan, kesihatan dan pengutusan Muhammad S.A.W. Namun begitu, disebabkan mereka ingkar dan kufur kepada Rasulullah S.A.W, maka nikmat-nikmat yang mereka kecapi Allah S.W.T telah tukarkan ia kepada nikmat dan seksaan.

Berdasarkan ayat ayat 11 dalam surah al-Ra'd dan ayat 53 dalam surah al-Anfal, Allah S.W.T telah memberi kemampuan kepada manusia untuk memilih jalan kehidupan sama ada menuju ke arah kebaikan ataupun keburukan. Justeru, manusia sendiri yang akan menentukan nasib kehidupan mereka. Sesuatu perubahan yang berlaku dalam kehidupan manusia adalah berpunca daripada manusia itu sendiri.

### **PERUBAHAN PERSONALITI BERDASARKAN FAKTOR AGAMA**

Perbincangan tentang faktor perubahan telah dibahaskan oleh para sarjana Islam dengan memperincikannya kepada dua faktor iaitu faktor luaran dan faktor dalaman manusia itu sendiri. Pandangan sarjana Islam dengan menekankan kedua-dua faktor perubahan manusia tersebut telah membezakannya dengan pandangan sebahagian besar sarjana Barat yang hanya menekankan faktor luaran dan menafikan faktor dalaman.

Uthman (1985) menjelaskan bahawa faktor dalaman (rohani) dan faktor luaran (jasmani) mempengaruhi sesuatu tindakan yang menentukan keperibadian yang berbeza dengan orang lain. Gabungan antara faktor dalaman dan luaran menghasilkan seorang Muslim berpersonaliti yang berpandukan al-Quran serta mampu menghadapi segala dugaan. Faktor dalaman merujuk kepada keimanan,

<sup>6</sup> Al-Quran, Al-Anfal 8: 53.

ketaqwaan, perasaan cinta kepada Allah S.W.T, sabar dan segala sifat yang baik. Manakala faktor luaran pula merujuk kepada kejayaan yang diperolehi, semangat, pujian dan sebagainya.

Menurut al-Ghazali (1988), setiap tingkah laku merupakan perlakuan jasad yang bersifat luaran yang terhasil daripada perlakuan jiwa yang bersifat dalaman seperti emosi, sikap, motivasi dan sebagainya. Faktor dalaman amat ditekankan oleh al-Ghazali (1988) dengan mengambilkira aspek kekuatan spiritual, kerohanian dan penguasaan hati yang baik berbanding faktor luaran. Kajian Siti Norlina (1997) menjelaskan perubahan nilai moral masyarakat Islam berlaku disebabkan oleh dua faktor utama iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merujuk kepada ilmu dan kemajuan, agama dan institusi kekeluargaan. Manakala faktor luaran pula merujuk kepada suasana atau persekitaran, media massa dan perkembangan ekonomi. Kajian juga telah menjelaskan tentang metode tarbiyah Rasulullah S.A.W sehingga berjaya mencetuskan perubahan. Di antaranya ialah ilmu, akidah, ibadat, konsep halal dan haram, menjadikan Rasulullah S.A.W sebagai contoh ikutan, menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran.

Manakala bagi Mahmud al-'Aqqad (1968), beliau telah meletakkan jihad dan ijtihad sebagai faktor utama perubahan dalam Islam. Jihad dan ijtihad merujuk kepada kesungguhan dalam mencurahkan kemampuan terhadap potensi roh, fizikal, intelek, emosi dan lain-lain. Begitu juga menurut Ibn Khaldun (1879), perubahan berlaku apabila wujud ilmu yang diikuti oleh amalan. Sebaliknya sesuatu perubahan tidak akan berlaku tanpa adanya tindakan susulan kepada ilmu.

Berdasarkan kepada pandangan Uthman (1985), al-Ghazali (1988) dan Siti Norlina (1997), artikel melanjutkan perbincangan mengenai perubahan personaliti manusia berdasarkan kepada faktor dalaman. Walaupun faktor dalaman terdiri daripada pelbagai aspek, artikel hanya memfokuskan kepada agama sebagai faktor dalaman yang membawa kepada perubahan personaliti manusia. Persoalannya, bagaimanakah agama menjadi faktor yang pendorong kepada perubahan personaliti manusia menurut perspektif Islam. Apakah elemen-elemen yang diterapkan agama dalam perubahan personaliti dan sejauhmanakah kepentingan agama sebagai faktor perubahan personaliti menurut perspektif Islam.

#### **a. Perubahan personaliti berdasarkan faktor agama**

Agama menurut Azizi et al. (2004) mengajar penganutnya supaya melakukan perkara yang baik sahaja. Manakala Daniel (1983) pula mengatakan kebanyakan agama mengajar penganutnya supaya sayang-menyayangi antara satu sama lain kerana semua manusia diibaratkan sebagai satu keluarga. Jika seseorang individu berpegang teguh kepada ajaran agama, maka secara langsung akan mempengaruhi diri untuk berubah ke arah yang lebih baik. Peranan agama dalam pembentukan personaliti telah diteliti secara terperinci dan diakui oleh para sarjana Sains Sosial. Menurut Saroglou et al. (2005), agama ialah pegangan hidup manusia dan

berperanan penting dalam pembentukan personaliti seseorang individu. Melalui pembuktian sejarah menunjukkan bahawa agama telah banyak mengajar manusia untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan. Agama telah menjadi ajaran asas dalam pendidikan sama ada secara formal di sekolah ataupun tidak formal di rumah dan dalam kalangan masyarakat.

Daripada perspektif Islam, agama mendorong manusia untuk menjadi sebaik-baik makhluk dan sebaik-baik umat manusia. Ia boleh dicapai apabila manusia beriman kepada Allah S.W.T, beramal soleh, mengajak kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan menghiasi diri dengan akhlak yang mulia. Agama memandu manusia kembali kepada fitrah asal, mendirikan mendirikan perintah Allah S.W.T dan menghiasi diri dengan kelakuan dan akhlak yang terpuji (al-Attas 1977; al-Ghazali 2000; Ilyas Ba Yunus 1989).

**b. Agama Islam mendorong manusia untuk menjadi sebaik-baik makhluk**

Agama Islam menyeru manusia untuk menjadi sebaik-baik makhluk dengan beriman kepada Allah S.W.T dan beramal saleh. Firman Allah S.W.T di dalam surah al-Tin ayat 4-6:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ (٤) ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ (٥) إِلَّا الَّذِينَ  
آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ (٦)<sup>7</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.

Dalam mentafsirkan ayat di atas, al-Qurtubi (2013c) menjelaskan bahawa Allah S.W.T menciptakan manusia sebagai sebaik-baik ciptaan. Sebaik-baik ciptaan bukan hanya dengan memiliki bentuk tubuh badan yang mengagumkan, pancaindera yang bersistematik dan akal fikiran, malah sebaik-baik ciptaan apabila manusia itu beriman dan beramal soleh kepada Allah S.W.T. Ini kerana, bagi manusia yang kufur dan angkuh yang melampui batas, Allah S.W.T akan mencampakkannya ke tempat yang paling rendah dan hina.

Al-Bayanuni (2003) berpandangan penghayatan agama dan iman mampu untuk mempengaruhi tingkah laku manusia. Dengan merasai pemerhatian (muraqabah) Allah S.W.T, seseorang manusia akan sentiasa mengawasi segala tingkah laku dirinya supaya tidak mengundang kemurkaan Allah S.W.T. Menurut Yasin (1991), beriman dengan malaikat memberi kesan yang besar kepada tingkah laku manusia. Dengan merasa dirinya diawasi oleh para malaikat,

<sup>7</sup> Al-Quran, Al-Tin 95: 4-6.

manusia akan sentiasa mengawal dirinya supaya beristiqamah dengan segala perintah dan larangan Allah S.W.T. Selain itu, beriman kepada qada' dan qadar akan memfokuskan perhambaan diri manusia hanya kepada Allah S.W.T, mewujudkan sifat sabar, tenang dan sentiasa redha dengan segala ketentuan yang menimpa ke atas diri. Ini kerana jiwa tersebut meyakini bahawa segala ketentuan, rezeki, ajal dan maut adalah tertakluk qada' dan qadar yang ditetapkan oleh kuasa dan kehendak Allah S.W.T.

Habibah dan Noran Fauziah (1997) menyatakan bahawa hubungan manusia dengan Allah S.W.T, interaksi roh dan jasmani serta peranan akal merupakan faktor-faktor yang penting dalam perubahan personaliti manusia. Menurut Uthman (1985), perasaan cinta kepada Allah S.W.T, keimanan, ketaqwaan, sabar dan segala sifat yang baik merupakan di antara faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan personaliti manusia. Malah perubahan personaliti yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah (agama Islam) memberi kemampuan dan kekuatan bagi menghadapi segala dugaan dalam pelbagai keadaan.

Manakala Haron Din et al. (1988) berpandangan manusia akan dapat dibentuk bersesuaian dengan hakikat kemanusiaan dan kehendak Allah S.W.T melalui penghayatan agama, akidah dan keimanan. Pegangan akidah yang kukuh dan sempurna akan membentuk iradah, akal dan tingkah laku yang memberi manfaat kepada diri, keluarga, masyarakat, bangsa, negara dan agama. Ahmad Munawar (2009) menjelaskan bahawa pembangunan manusia melalui penghayatan agama dan kekuatan akidah juga diperakui serta dijelaskan dengan lebih terperinci oleh para sarjana Islam seperti Ibn Khaldun, al-Ghazali, Ibn Miskawayh, Ibn Jazm dan Tajul Ariffin.

**c. Agama Islam menyeru manusia untuk menjadi sebaik-baik umat**

Agama Islam menyeru umat Muhammad untuk menjadi sebaik-baik umat dengan melakukan kebaikan, mencegah manusia daripada kemungkaran dan beriman kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T di dalam surah Ali-Imran ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ<sup>8</sup>

Maksudnya:

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

Berdasarkan ayat di atas, Ibn Kathir (2004b) menyatakan bahawa ayat ini adalah umum bagi semua umat ini (Islam). Sebaik-baik manusia adalah manusia yang hidup sezaman dengan Rasulullah S.A.W dan mengikuti jalan baginda,

<sup>8</sup> Al-Quran, Ali-Imran 3: 110.

kemudian zaman selepasnya dan kemudian selepasnya. Bagi zaman manusia yang jauh terkemudian menurut al-Tabari (1999), mereka juga diiktiraf sebagai sebaik-baik umat manusia apabila memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ayat tersebut. Al-Qurtubi (2013d) menjelaskan bahawa umat yang terbaik merujuk kepada umat nabi Muhammad S.A.W. Mereka itu ialah orang-orang yang soleh, mengajak manusia kepada Islam dan menjadi saksi bagi umat manusia di hari kiamat. Allah S.W.T memuji mereka disebabkan mereka menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah S.W.T. Sebaliknya, jika mereka tidak melakukan perubahan yang positif dan berdiam diri terhadap kemungkaran maka akan hilanglah pujian tersebut ke atas mereka.

Menurut Ibn Khaldun (1879) manusia yang mempunyai semangat beragama berpotensi tinggi untuk mencapai satu matlamat besar dan idealisme. Dengan menegakkan agama Allah S.W.T melalui seruan kebenaran dan menolak kebatilan Allah S.W.T akan memberi pertolongan dan kemampuan terhadap individu, masyarakat bahkan mana-mana negara untuk merubah sejarah. Sebaliknya, tanpa semangat beragama akan menyebabkan berlakunya perpecahan dan goyahnya ketamadunan dalam masyarakat yang tidak lagi diikat oleh satu ideologi yang mampu menjangkau masa dan tempat. Lantaran itulah Ibn Khaldun lebih mengutamakan peranan agama dalam perubahan berbanding dengan beberapa aspek lain seperti ilmu, pendidikan, politik dan kekuasaan.

**d. Agama Islam memupuk manusia yang berdisiplin dalam ketaatan**

Agama Islam mendisiplinkan manusia melalui tujuan penciptaan iaitu untuk beribadah kepada Allah S.W.T, mentaati segala perintah dan menjauhi segala laranganNya. Firman Allah S.W.T di dalam surah Al-Zariyat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (٥٦)<sup>9</sup>

Maksudnya:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Sayyid Qutb (2000) menjelaskan bahawa tugas yang mengikatkan jin dan manusia dengan undang-undang kewujudan ialah pengabdian diri kepada Allah atau melaksanakan 'ubudiyah kepada Allah S.W.T. Seseorang manusia yang mengabdikan diri kepada Allah S.W.T akan menikmati kerehatan, ketenteraman jiwa, kebaikan hati dalam segala keadaan. Meletakkan Allah S.W.T dalam segala tindakan akan menjadikan manusia bersedia dengan apa jua kemungkinan dalam sesuatu hasil tindakan, perjuangan dan perancangan. Seseorang yang mengabdikan diri kepada Allah S.W.T juga akan menjadi banteng kepada manusia daripada sifat-sifat buruk dan perkara-perkara haram yang dikeji.

Islam meletakkan ibadah kepada Allah S.W.T sebagai tujuan penciptaan. Penghayatan agama melalui pengamalan ibadah akan membentuk manusia yang

<sup>9</sup> Al-Quran, Al-Zariyat 51: 56.

mempunyai kekuatan diri yang mampu untuk menyumbang kebaikan kepada kehidupan bermasyarakat. Pengamalan ibadah melatih manusia untuk taat kepada Allah S.W.T sekali gus menjadi asas penting kepada manusia untuk berubah ke arah yang lebih baik. Pada masa yang sama, peranan agama tidak hanya dalam bentuk ibadah asas dan kaedah bagi tingkah laku, tetapi ia juga berbentuk tegahan dan pengharaman terhadap perkara-perkara yang negatif (Malik Bennabi 1987, Mohamad Kamil 1998, Usman Syihab 2009).

Abdul Karim Zaidan (2011) menjelaskan bahawa melalui amalan ibadah yang wajib mahupun sunat akan membersihkan diri, memberi kekuatan dan menyucikan jiwa, membentuk akhlak yang baik, memperolehi sifat yang terpuji serta membuang segala sifat yang keji. Melalui ibadah solat contohnya akan mengajar manusia erti kehambaan, merendah diri, merasa diri tidak sempurna dan membersihkan jiwa. Puasa mendidik manusia tentang keikhlasan, tekad dan sabar. Haji berperanan sebagai latihan amali bagi mendidik manusia tentang erti kehidupan Muslim. Manakala melalui ibadah zakat pula akan memupuk semangat tolong menolong dan saling membantu dan membersihkan jiwadaripada penyakit kedekut, tamak dan cinta dunia. Begitu juga dengan ibadah-ibadah wajib, sunat dan amalan-amalan kebaikan yang lain.

**e. Agama Islam membina manusia yang terbaik melalui akhlak dan sifat yang mulia**

Agama Islam mengajak manusia supaya menjadi sebaik-baik manusia dengan memiliki akhlak mulia, sahsiah yang unggul, menyuburkan sifat-sifat yang baik dan menjauhi segala sifat-sifat yang keji. Sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَحْسَنُكُمْ أَخْلَاقًا<sup>10</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya yang terbaik diantara kalian adalah yang paling baik akhlaknya

Menurut Ibn Hajar (2011b) , hadith di atas diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada ‘Abdullah bin ‘Amru R.A. Menerusi riwayat Imam Muslim, perkataan أحسنكم disebutkan dengan perkataan أحسنكم. Hadith di atas menjelaskan bahawa akhlak yang baik adalah melakukan perbuatan yang mulia dan meninggalkan perbuatan yang hina. Muhammad Husain dan Ali Manshur (2016) menyatakan bahawa di antara risalah akhlak yang telah diajarkan oleh Rasulullah S.A.W kepada Muaz bin Jabal R.A ialah bertaqwa kepada Allah, berkata jujur, menepati janji, menunaikan amanah, tidak melakukan khianat, mengasihi anak yatim, menjaga hubungan dengan jiran tetangga, menahan marah, berkata-kata dengan lemah lembut, menyebarkan salam, taat kepada imam, mendalami al-Quran, mencintai akhirat, takut kepada hisab, mengurangkan angan-angan dan

<sup>10</sup> al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, kitab al-Adab, bab Husnu al-Khuluq wa al-Sikha’ wa ma Yukrahu mina al-Bukhli. Hadith No: 6035.



memperelokkan amal perbuatan. Rasulullah S.A.W melarang mencela sesama manusia, membenarkan orang yang berdusta, mendustakan orang yang benar, membangkang imam yang adil dan melakukan kerosakan di muka bumi. Rasulullah juga mengajarkan supaya sentiasa berzikir, bertaubat untuk setiap perbuatan dosa sama ada dosa secara sembunyi mahupun terang-terangan.

Malik Bennabi (1991) menyatakan bahawa akhlak berperanan penting dalam membangunkan peribadi seseorang manusia. Melalui akhlak akan memberi arah panduan kepada masyarakat secara umum manakala tanpa akhlak mustahil akan wujudnya alam benda dan juga alam pemikiran. Akhlak yang unggul adalah akhlak yang berasaskan kepada agama. Melalui unsur suruhan, tegahan, pahala dan dosa yang dianjurkan agama akan membentuk peribadi dan membantu menciptakan sistem nilai sosial yang padu dan utuh. Peranan agama dalam akhlak juga akan membangkitkan kecenderungan-kecenderungan serta naluri manusia untuk berhubung dan bermasyarakat sekaligus membina asas penting dalam kemajuan.

Contoh keunggulan akhlak yang terbaik adalah akhlak Rasulullah S.A.W. Keunggulan akhlak Rasulullah bukan hanya dikagumi oleh manusia, malah turut dikagumi oleh para malaikat bahkan mendapat pujian Allah S.W.T. Misi dan visi pengutusan Rasulullah S.A.W adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia (Ab. Aziz 2001). Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ<sup>11</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Menurut Ibn Hajar (2011b), hadith di atas diriwayatkan daripada Imam Ahmad dari Abu Hurairah R.A. Manakala al-Bazzar menukil melalui jalur ini dengan perkataan مكارم (yang mulia) sebagai ganti kepada perkataan صالح (yang baik). Hadith menjelaskan bahawa pengutusan Rasulullah S.A.W adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Abdul Basit (2012); Osman Bakar et al. (2009); Sharifah Norshah (2009) menjelaskan bahawa perutusan Rasulullah S.A.W adalah sebagai pelengkap kepada misi Rasul-rasul terdahulu iaitu membawa mesej agama Allah, menyeru manusia supaya mentauhidkan Allah dan menghiasi diri dengan kemuliaan akhlak. Perutusan Rasulullah S.A.W juga adalah untuk menyempurnakan binaan Islam supaya tertegak utuh berdiri serta kelihatan indah dimata penganutnya dan juga kepada penentangannya. Kejayaan misi dan visi perutusan Rasulullah dalam membawa pedoman agama dan keunggulan akhlak terbukti apabila baginda S.A.W telah berjaya mencetus perubahan dan kebangkitan masyarakat Arab serta manusia seluruhnya daripada kejahilan tamadun jahiliah kepada kegemilangan tamadun Islam. Kemuliaan akhlak

<sup>11</sup> al-Bukhari, al-Adab al-Mufrad, bab Husnu al-Khuluq. Hadith No: 276.

Rasulullah S.A.W juga telah menjadi tarikan dakwah kepada manusia untuk mengenali Islam (Abu Hassan Din 1987).

Keunggulan akhlak Rasulullah S.A.W adalah berdasarkan panduan dan acuan akhlak yang terkandung di dalam al-Quran. Sa'id Hawwa (1999) menyatakan bahawa pada diri baginda S.A.W terdapat contoh akhlak yang terpuji seperti sentiasa mempamerkan senyuman, sabar, rendah diri, lemah lembut tutur kata, adil, belas kasihan dan mesra dengan fakir miskin, seorang pendengar yang baik, berpakaian dan cara makan yang sederhana. Baginda juga mempunyai keberanian, kuat semangat, ketahanan diri yang tinggi serta disanjung oleh kawan dan lawan. Kemuliaan akhlak dan ketinggian adab Rasulullah S.A.W juga dinukilkan oleh al-Tirmizi (2008). Di antaranya ialah Rasulullah S.A.W seorang penyabar, pemaaf dan pengasih, tidak membalas kejahatan dengan kejahatan, tidak berprasangka buruk, tidak mengumpat dan sebagainya.

Baliq (1978) menyenaraikan akhlak-akhlak yang mulia seperti kesederhanaan, kebaikan budi pekerti, rendah diri, berilmu, bekerja, benar, menepati janji, amanah, tetap di atas kebaikan, cekal hati, berani, sabar, bersyukur, lemah lembut, mengharapkan kebaikan Allah, bertaqwa dan takut kepada Allah, warak, memaafkan, bertolak ansur, kasih sayang, mementingkan orang lain, pemurah dan rahmat, mulia hati, memikirkan tentang kebesaran Allah, berdisiplin, berhati-hati, menjaga lidah dan adil dalam perkataan serta perbuatan. Manakala Abdul Basit (2012) menyatakan di antara akhlak terpuji yang diajarkan oleh Islam ialah menguatkan persaudaraan sesama orang Islam, menyebarkan kasih sayang sesama manusia, memartabatkan masyarakat, memajukannya dan menjamin hak setiap individu dalam anggota masyarakat.

#### **f. Kepentingan faktor agama dalam perubahan personaliti manusia**

Faktor agama sangat penting dalam sesuatu proses perubahan manusia. Dalam konteks agama Islam bukan hanya menyeru manusia berubah ke arah kebaikan bahkan memberi motivasi kepada manusia supaya mengekalkan perubahan yang baik dengan niat ikhlas kerana Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T di dalam surah Fussilat ayat 30 dan surah al-Ahqaf ayat 13-14:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا  
وَأَبْشُرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ (۳۰)<sup>12</sup>

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak

<sup>12</sup> Al-Quran, Fussilat 41: 30.

baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.

Menurut Ibn Kathir (2004c), ayat di atas merupakan jaminan yang baik bagi manusia yang ikhlas dalam beramal kerana Allah S.W.T iaitu dengan mentaati apa yang telah diperintahkan oleh Allah S.W.T kepadanya. Di saat menjelang kematian, malaikat akan turun untuk menghilangkan ketakutan menuju ke alam akhirat. Malaikat juga akan turun bagi menghilangkan rasa kesedihan terhadap segala urusan dunia yang ditinggalkan seperti anak, keluarga, harta benda dan hutang kerana ianya dibawah pengetahuan dan urusan Allah S.W.T. Malah manusia yang ikhlas beramal dalam ketaatan kepada Allah S.W.T juga akan diberikan khabar gembira oleh malaikat sekali gus melenyapkan segala keburukan dan memperolehi segala kebaikan.

Al-Quran merupakan sumber panduan dan motivasi bagi kehidupan manusia. Di antara uslub al-Quran bagi memberi motivasi kepada proses perubahan personaliti manusia adalah uslub tabsyir dan indhar. Sharifah Norshah & Zulkifli (2008) dan Sharifah Norshah (2009) menjelaskan bahawa uslub tabsyir dan indhar menurut al-Quran merujuk kepada tiga bentuk iaitu al-mathal (perumpamaan), al-qasas (kisah penceritaan) dan al-wa'd wa al-wa'id (janji baik dan buruk). Menurut Zaidatul Husna (2014), uslub tabsyir juga disebut sebagai kaedah peneguhan. Kaedah peneguhan seperti perolehan ganjaran yang positif, pujian dan hadiah merupakan di antara kaedah yang akan mempengaruhi pembentukan personaliti dan tingkah laku. Manakala menurut Jamaludin (2008), peneguhan yang paling berkesan adalah peneguhan daripada ibubapa. Ini kerana, insan yang paling dekat dengan setiap individu adalah ibubapa. Individu yang sentiasa mendapat kasih sayang, layanan yang baik, penghargaan dan kepercayaan daripada ibubapa berkemungkinan besar akan membentuk personaliti diri yang positif. Individu tersebut akan berada dalam keadaan riang dan ceria malah tidak akan merasa kekosongan dalam hidupnya. Justeru, bagi memastikan perubahan personaliti yang konsisten memerlukan kepada penghayatan nilai agama, persekitaran yang kondusif serta orang sekeliling yang baik.

Selain itu, manusia juga memerlukan satu latihan membersihkan jiwa, menghapuskan akhlak yang buruk bagi melahirkan akhlak yang baik serta menghiasi jiwa dengan amalan-amalan kebaikan. Latihan secara berterusan terhadap sifat yang baik, amalan ibadah dan akhlak yang baik akan menjadikannya sebagai tabiat yang kekal dalam diri individu tersebut. Kaedah tazkiyyah al-nafs merupakan di antara latihan pembersihan jiwa yang telah diperkenalkan oleh Al-Ghazali (1988). Kaedah tazkiyyah al-nafs merangkumi dua proses penting iaitu mujahadah al-nafs dan riyadah al-nafs. Mujahadah al-nafs ataupun disebut sebagai al-Takhalli merujuk kepada proses serta usaha bersungguh-sungguh bagi melawan nafsu dan membersihkan jiwa daripada sifat-

sifat mazmumah seperti marah, dendam, hasad dengki, cinta dunia, riya', takabur, bangga diri dan seumpamanya. Mujahadah al-nafs juga merupakan proses menentang syahwat dan melawan nafsu jahat. Mujahadah melawan nafsu jahat dianggap sebagai satu perjuangan yang agung dan kejayaan melawannya merupakan sebesar-besar kemuliaan dalam proses pembaikan personaliti. Melalui mujahadah al-nafs dapat memainkan peranan dalam membantu proses pembentukan personaliti yang baik dengan menghapuskan segala sifat mazmumah yang buruk sedikit demi sedikit.

Manakala riyadah al-nafs ataupun disebut sebagai al-Tahalli merujuk kepada usaha untuk menghiasi jiwa dengan amalan-amalan kebaikan walaupun terpaksa melalui tempoh masa yang agak panjang. Riyadah al-nafs ialah proses memupuk amal ibadah seperti solat, puasa, zikir, doa dan qiamullail. Riyadah al-nafs juga merupakan proses latihan jiwa untuk mengaplikasikan sifat-sifat mahmudah dalam diri seseorang seperti taqwa, tafakkur, taubat, sabar, syukur, harap, tawakkal, cinta dan redha. Riyadah al-nafs juga merupakan satu latihan jiwa menghapuskan akhlak yang buruk bagi melahirkan akhlak yang baik.

#### **KESIMPULAN**

Dalam konteks agama, Islam meraikan manusia yang berubah ke arah kebaikan. Malah Islam sentiasa menyeru umat manusia untuk sentiasa berada dalam kebaikan. Manusia yang paling baik adalah manusia yang meletakkan agama dalam kehidupannya. Dengan agama akan membentuk personaliti manusia yang baik, mentaati perintah Allah, menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, memiliki akhlak yang mulia serta segala sifat-sifat mahmudah. Melalui agama juga akan memberi panduan dan kekuatan dalaman kepada manusia untuk sentiasa konsisten dengan perubahan personaliti yang baik walau berada dalam apa jua keadaan.

#### **RUJUKAN**

al-Qur'an al-Karim

Ab. Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Basit Abdul Rahman (2012), *Keindahan Islam*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Abdul Karim Zaidan (2011), *Usul Dakwah*, Jil. 1, Terj, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA) (2012), *Tafsir al-Azhar*, Jil. 5, Cet ke-8, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Abu Hassan Din (1987), *Ke arah Keimanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Amri Zainal Abidin (2009), *PSQ Rahsia Personaliti Unggul*, Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.

- Ahmad Munawar Ismail (2009), Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1977), *Islam Faham Agama Dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Azizi Yahaya *et.al* (2004), *Psikologi Sosial*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azlina Abu Bakar (2003), *Psikologi Personaliti Individu*, Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Baliq, 'Izz al-Din (1978), *Minhaj al-Salihin*, Beirut: t.pt.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (1980), *Sahih al-Bukhari*, Qahirah: al-Maktabah al-Salafiyah.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail (1996), *al-Adab al-Mufrad*, Beirut: Muassasat al-Kutub al-Thiqafiyah.
- al-Bayanuni, Ahmad Izzuddin (2003), *Petunjuk Akidah Ahli Sunnah Wal Al-Jamaah*, Terj. Hasnan Kasan, Kuala Lumpur: JAKIM.
- Daniel, B. C. (1983), Sociobiology and the role of religion in promoting prosocial behavior: an alternative view, *Journal of Personality and Social Psychology*, 45(6): 1380-1385.
- Ewen, R. (1980), *Antroduction to Theories of Personality*, New York: Academic Press.
- Fariza Md. Sham *et.al* (2008), *Personaliti Dari Perspektif Al-Ghazali*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Ghazali, Abu Hamid bin Muhammad (1988), *Ihya' Ulum al-Din*, Jil 1- 4, Terj. Prof. TK. H. Ismail Yakub MA-SH, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- al-Ghazali. Abu Hamid bin Muhammad (2000), *Ihya' Ulum al-Din*, Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub (1997), *Psikologi Personaliti*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din *et.al* (1988), *Manusia dan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (2011a), *Fath al-Bari bi Syarhi Sahih al-Bukhari*, Jil. 1, Riyadh: Dar Tayyibah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani (2011b), *Fath al-Bari bi Syarhi Sahih al-Bukhari*, Jil. 8, Riyadh: Dar Tayyibah.
- Ibn Kathir, Abul Fida Isma'il bin Umar bin Kathir al-Dimasyq (2004a), *Tafsir Ibn Kathir*, Jil. 2, Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Kathir, Abul Fida Isma'il bin Umar bin Kathir al-Dimasyq (2004b), *Tafsir Ibn Kathir*, Jil. 1, Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Kathir, Abul Fida Isma'il bin Umar bin Kathir al-Dimasyq (2004c), *Tafsir Ibn Kathir*, Jil. 4, Riyadh: Dar al-Salam.

- Ibn Khaldun, Abdul al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami (1879), *Muqaddimah*, Beirut : al-Matba`at al-Adabiyah.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi & Wan Suryati Wan Ahmad (2008), Pengaruh sikap dan demografi ke atas produktiviti kerja pensyarah Muslim: kajian di Universiti Malaya, *Jurnal Syariah*, 16(2): 321-344.
- Ilyas Ba-Yunus (1989), Sosiologi dan Realiti Sosial Umat Islam, dlm. I.R.Al-Faruqi & A.O. Naseef, *Sains Sosial Dan Sains Tuten*, terj. Mohamad Rafie Abdul Malek, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamaludin Ramli (2008), Pengertian Konsep Kendiri, dlm. Azizi Yahaya, Shahrin Hashim & Yusof Boon (pnyt.), *Psikologi pendidikan*, Skudai: Penerbit UTM Press.
- Mahmud al-'Aqqad (1968), *Tajdid at-Tafkir al-Dini*, Cetakan ke-2, Qahirah: Matba'ah Lajnah al-Ta'lif wa al-Tarjumah wa al-Nashr.
- Malik Bennabi (1987), *Shurut al-Nahdah*, Cetakan ke-4, Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Malik Bennabi (1991), *Ta'ammulat*, Cetakan ke-5, Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Mohamad Kamil Ab. Majid (1998), Pemikiran Islam Tentang Konsep Perubahan Sosial Islam, *Jurnal Usuluddin*, 7(7). 1-32.
- Mohd Majid Konting (2009), *Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Lebar (1994), *Asas Psikologi Perkembangan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication Distribution.
- Muhammad Husain & Ali Manshur (2016), *Syarah 10 Muwashafat*, Terj. Faridi & Syauqi Hafizh, Indonesia: Era Adicitra Intermedia.
- Muhammad Mazhar al-Din Siddiqi (1978), *Ma Huwa al-Islam*, al-Mukhtar al-Islami.
- Muslim bin al-Hajjaj (2002), *Sahih Muslim*, Riyadh: Dar Toyyibah li Nasyr wa al-Tawzi'.
- al-Nawawi, Muhyiddin al-Damsyiqi (2004), *Syarh al-Arba'in al-Nawawi*, Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Noresah Baharom (2007), *Kamus Dewan*, Edisi ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar *et.al* (2009), *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (2013a), *al-Jami` li-Ahkam al-Qur'an*, Jil. 10, Dimasyq: Muassasah al-Risalah.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (2013b), *al-Jami` li-Ahkam al-Qur'an*, Jil. 12, Dimasyq: Muassasah al-Risalah.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (2013c), *al-Jami` li-Ahkam al-Qur'an*, Jil. 22, Dimasyq: Muassasah al-Risalah.
- al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (2013d), *al-Jami` li-Ahkam al-Qur'an*, Jil. 5, Dimasyq: Muassasah al-Risalah.
- Sa'id Hawwa (1999), *Mensucikan Jiwa*, Jakarta: Darus Salam.



- Saroglou, V *et.al* (2005), Prosocial behavior and religion : new evidence based on projective measures and peer ratings, *Journal for the Scientific Study of Religion*, 44 (3): 323-348.
- Sayyid Qutb (2000), *Tafsir fi Zilal al-Quran: Di Bawah Bayangan al-Quran*, Ter. Yusuf Zaky Haji Yacob, Jil 15, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin (2009), Impak Uslub Tabsyir dan Indhar dalam Membentuk Personaliti : Kajian Di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah, Perak, Tesis PhD Universiti Malaya.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin & Zulkifli Haji Mohd Yusoff (2008), Perubahan Personaliti Kesan Uslub Tabshir Dan Indhar: Kajian Kes Di Sekolah Henry Gurney (SHG), *Jurnal Usuluddin*, 27. 41- 59.
- Shihab, M. Quraish (2002), *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*, Jil. 6, Jakarta: Lentera Hati.
- Siti Norlina Muhamad (1997), Perubahan nilai-nilai moral masyarakat Islam: suatu kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tesis Sarjana Usuluddin, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Soerjono Soekanto (1985), *Kamus Sosiologi*, Edisi baru, Jakarta: C.V. Rajawali.
- al-Tabari, Abi Ja`far Muhammad Ibn Jarir (1999), *Jami` al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyah.
- al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Surah bin Musa (2008), *Syamil Muhammad S.A.W: Keperibadian Rasulullah*, Terj. Abd. Mujib, Miftahurrahman & Musyarrafah, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Usman Syihab (2009), Agama dan Perubahan Masyarakat Menurut Malik Bennabi, *Afkar Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 10. 129-172.
- Uthman Najati (1985), *Al-Quran dan Ilmu Jiwa*, Terj. Ahmad Rofi' Usmani, Bandung: Penerbit Pustaka.
- Yasin, Muhammad Nu'aim (1991), *al-Iman*, Qahirah: Maktabah al-Sunnah.
- Zaidatul Husna Binti Md Rodhe (2014), Tahap Penontonan Iklan Didik Hibur Dengan Personaliti Prososial Muslim Di Malaysia, Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.